



**KENYATAAN SEBUTHARGA  
(TARAF BUMIPUTERA)**

Tarikh 26/10/2020

**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM  
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal **BUMIPUTERA** yang beralamat di **Jajahan Bachok** serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	TAJUK KERJA	GRED / KATEGORI / PENGKHUSUSAN	TARIKH TUTUP
1.	SEBAGAIMANA DI LAMPIRAN 1	G1/CE/CE21 DAN E06 G1/CE/CE21	9 November 2020 (Isnin) (sebelum atau pada jam 12.00 tengahari)

1. Maklumat lanjut dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan, Pejabat Majlis Daerah Bachok, Kelantan pada waktu pejabat sahaja mulai **3 November 2020**. Dokumen sebutharga ini dijual dengan harga **RM 30.00**. Semua pembayaran hendaklah dalam bentuk wang tunai sahaja.

2. Kontraktor yang berminat hendaklah membawa sijil-sijil berikut semasa pendaftaran dijalankan dan **wakil adalah tidak dibenarkan**:

- i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) **Asal** oleh (CIDB);
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **Asal** oleh (CIDB);
- iii. Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera **Asal** oleh (PKK);
- iv. Kad Pengenalan **Asal**

3. Lawat tapak adalah **Tidak diwajibkan** dan sekiranya Petender perlu untuk lawatan tapak, Pihak Majlis akan memberi satu tempoh masa bagi petender melawat sendiri tapak, Sekiranya petender melawat sendiri tapak, Pihak petender perlu membuat amalan penjarakan, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah perlu dilakukan bagi menyokong usaha Kerajaan membendung Penularan wabak COVID-19 selaras dengan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 di tempat kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pematuhan Manual Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM).

4. Kontraktor dikehendaki mengembalikan Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi di dalam satu sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebut Harga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA di Pejabat Majlis Daerah Bachok pada tarikh yang dinyatakan di atas sebelum atau pada jam **12:00 tengah hari**.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD BIN JAAFAR)**

Setiausaha,

b.p : Yang dipertua,

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam

**LAMPIRAN 1**

BIL.	NO. SEBUTHARGA	PERIHAL	GRED/KATEGORI/PENGKHUSUSAN
1	MDB:621/1/19/Jld.22/24	MENAIKTARAF PRASARANA PELANCONGAN DAN KEMUDAHAN DI PANTAI MELAWI BACHOK	G1/CE/CE21 DAN E06
2	MDB:621/1/19/Jld.22/25	MEMBINA PAGAR DAN MENAIKTARAF BANGUNAN SEDIA ADA DI PASAR WAKAF ZIN, BACHOK	G1/CE/CE21
3	MDB:621/1/19/Jld.22/26	MENAIKTARAF GERAJ-GERAJ PAYONG DI PASAR BERIS KUBUR BESAR, BACHOK	G1/CE/CE21

- s.k -
1. *YABrs. Yang DiPertua  
Majlis Daerah Bachok.*
  2. *Ahli Jawatankuasa Tender/Sebutharga  
Majlis Daerah Bachok.*
  3. *Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).*
  4. *Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok.*
  5. *JPS Jajahan Bachok.*
  6. *JKR Jajahan Bachok.*